

1,333 projek perumahan swasta sakit dipulihkan

KPKT ambil tindakan serius lindungi hak pembeli, senarai hitam pemaju

Kuala Lumpur: Sebanyak 1,333 projek perumahan swasta yang lewat, sakit dan terbengkalai membabitkan 159,638 unit kediaman dengan nilai pembangunan kasar RM126.47 bilion berjaya dipulihkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), setakat 31 Oktober lalu.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Aiman Athirah Sabu, berkata langkah itu diambil bagi melindungi pembeli daripada kerugian akibat kelewatan projek dan mengembalikan keyakinan terhadap sektor perumahan swasta.

"Bagi memastikan pemaju mengambil serius isu ini, KPKT mengambil tindakan tegas termasuk pendakwaan, kompaun dan menyenarai hitam pemaju yang gagal mematuhi peraturan di bawah Akta 118," katanya pada sesi jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Aminolhuda Hassan (Sri Gading) berhubung tindakan kerajaan menangani projek terbengkalai



yang memberikan kesan kepada pembeli rumah pertama dan faktor yang menyebabkan rakyat masih sukar memperoleh rumah mampu milik (RMM).

Papar nama pemaju culas

Aiman Athirah berkata, pemaju yang disenaraihitamkan tidak dibenarkan memohon lesen pemajuan atau permit iklan dan jualan projek baharu, manakala senarai projek bermasalah turut dipaparkan melalui portal KPKT sebagai

rujukan pembeli.

Beliau berkata, Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] kini dalam proses penambahbaikan untuk memastikan penguurusan kewangan pemaju lebih berdisiplin dan mengurangkan risiko projek terbengkalai pada masa hadapan.

Mengulas mengenai RMM, Aiman Athirah berkata, kesukaran rakyat mendapat pembiayaan perumahan berpunca daripada rekod kredit lemah, kadar hutang isi rumah tinggi serta pendapatan tidak stabil atau tiada slip gaji rasmi.

Bagi meningkatkan akses golongan B40 dan M40 kepada RMM beliau berkata, kerajaan mene-

rusi Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) menyediakan jaminan pembiayaan hingga RM500,000 untuk pembelian rumah pertama.

"Kerajaan juga melaksanakan skim sewa untuk beli di tujuh negeri, membolehkan 6,958 keluarga memiliki rumah.

"Selain itu, Home Ownership Campaign 2.0 dan pelepasan cukai hingga RM7,000 membantu ringankan beban pembeli rumah pertama," katanya.

Beliau berkata, keseluruhan inisiatif itu ialah sebahagian daripada strategi menyeluruh kerajaan bagi memastikan rumah mampu milik lebih mudah diakses, kos berpatutan dan selamat dimiliki.

BERNAMA



Aiman Athirah Sabu



Kerajaan menyediakan pelbagai insentif untuk rakyat mendapatkan kediaman selesa.

(Foto hiasan)